

Dr. Mahathir disaran tulis surat

KUALA LUMPUR 10 Jun - Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini mencadangkan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad supaya menulis surat kepada Perdana Menteri bagi mendapatkan penjelasan terhadap beberapa isu yang ditimbulkannya sebelum ini.

Beliau berpendapat cara sedemikian adalah paling sesuai daripada isu-isu itu dibincangkan secara terbuka.

Beliau percaya, sebagai seorang yang berbudi tinggi, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menjawab setiap persoalan diajukan oleh Dr. Mahathir.

"Tun (Dr. Mahathir) adalah seorang penulis yang baik dan beliau boleh menulis surat kepada Perdana Menteri. Saya yakin

Perdana Menteri akan menjawab setiap persoalan yang ditimbulkan oleh Tun.

"Bagi saya untuk bercakap mengenai isu-isu ini secara terbuka atas hak demokrasi sebenarnya boleh mencetuskan keadaan yang tidak menyenangkan dan ia tidak bagus kepada parti (UMNO).

"Kita tidak mahu isu ini menjadi satu permulaan kepada tercetusnya krisis keyakinan kepada kepimpinan Perdana Menteri dan Presiden," katanya.

Beliau yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Pembangunan Pertanian Daerah Hulu Langat di Institut Pengurusan Veterinar, Cheras dekat sini, hari ini.